

21 MAC 2018

Lima pekerja kedai tomyam positif syabu ditahan

Lima pekerja kedai tomyam positif syabu ditahan

SEBERANG PERAI – Polis menahan lima pekerja kedai tomyam warga Thailand yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah di rumah sewa mereka di Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Seberang Perai Utara di sini kelmarin.

Kesemua suspek lelaki yang berusia 18 hingga 35 tahun itu diberkas polis pada pukul 11.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, pemeriksaan di dalam rumah tersebut telah menemui empat pekete plastik lut sinar berisi dadah jenis syabu seberat 3.1 gram bernilai RM217.

“Siasatan lanjut mendapati dadah tersebut adalah untuk kegunaan sendiri dan polis masih menjalankan soal siasat ke atas suspek termasuk dari mana sumber dadah diperolehi mereka.

“Hasil ujian air kencing ke atas suspek juga didapati positif syabu,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kesemua suspek kini ditahan reman selama empat hari sehingga 24 Mac ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.